

## DALĀLAT SOLAT DAN PENGURUSAN KEWANGAN

**Wazzainab Ismail**

Jabatan Bahasa

Pusat Pengajian Teras

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[wazzainab@kuis.edu.my](mailto:wazzainab@kuis.edu.my)

**Ahmad Yani Ismail**

Jabatan Perakaunan dan Kewangan

Fakulti Pengurusan dan Muamalah

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

[ahmadyani@kuis.edu.my](mailto:ahmadyani@kuis.edu.my)

## ABSTRAK

Dalālat adalah perkataan bahasa Arab yang membawa maksud hakikat, petunjuk dan definisi tersirat dalam lafaz. Ilmu dalālat merupakan ilmu yang mengkaji kosa kata dalam menzahirkan hakikat makna sesuatu perkataan. Manakala solat adalah rukun Islam kedua yang merupakan kewajipan jelas terhadap umat Islam. Dalālat solat dan pengurusan kewangan adalah satu kajian awal bertujuan memperlihat hubungan jitu antara solat dan pengurusan kewangan. Perincian makna dan perbincangan dalālat solat dapat menggabungkan bahawa kefahaman pelaksanaan solat yang betul dan sahih akan membantu pengurusan kewangan yang bijak. Kajian ini hanya mengkaji ayat-ayat Al-Quran dan sebahagian Hadis Rasulullah SAW yang berkaitan dengan solat. Dapatkan kajian ini merupakan antara sumbangan ke arah meletakkan amanah solat sebagai satu ibadah yang bukan hanya dilihat sebagai ibadat tetapi rutin wajib kehidupan insan dalam proses menjadi insan yang sebenarnya.

**Katakunci:** *Dalālat, Solat, Pengurusan Kewangan, Ibadat, Hubungan*

---

### 1. Pendahuluan

Solat adalah rukun Islam yang kedua yang wajib dilaksanakan oleh semua umat Islam yang cukup syarat taklif. Solat adalah ibadat yang banyak fadilatnya. Namun fadilat ini tidak dapat dilihat atau dirasai oleh insan bernama muslim tanpa penghayatan yang baik terhadap hadiah bernilai ini. Solat juga adalah anugerah agung buat umat Muhammad SAW, anugerah unik pemberian Al-Khaliq ketika peristiwa besar dalam sejarah Islam iaitu Israk dan Mikraj. Solat taklifnya adalah pada manusia yang mentadbir alam yang mengurus khazanah alam dan yang menyusun segala pemberian Ilahi. Bidang yang berkaitan pengurusan khazanah alam ini boleh

dikecil skopnya kepada pengurusan kewangan. Pengurus kewangan dan yang menunaikan solat adalah individu yang sama. Oleh kerana solat mampu menghalang keburukan maka insan yang solat dengan baik dapat mengurus kewangan dengan sebaiknya. Oleh itu solat bukanlah sekadar ibadat yang dijalankan pada waktu yang ditetapkan dan dilaksanakan seperti yang disuruh Allah dan Rasul SAW. Tetapi fungsi solat sangat luas dan amat berkaitrapat dengan insan dalam segenap aktivitinya.

## 2. Sorotan Kajian

### Dalālat (دلالة / دللات)

Kosa kata dalalat adalah kata nama terbitan daripada perkataan kata kerja dalla (دل). Dalālat adalah perkataan yang membawa maksud hakikat, petunjuk, dalil, bukti, fungsi dan definisi tersirat dalam sesuatu lafaz. Ilmu dalālat merupakan ilmu yang mengkaji kosa kata dalam menzahirkan hakikat makna sesuatu perkataan. Ilmu dalalat bertujuan merungkai definisi yang dibawa oleh sesuatu kosa kata. Bahasa Arab adalah di antara bahasa yang amat memperkaya dalalat perkataan. Oleh yang demikian lazimnya perkataan bahasa Arab tiada sinonim dan antonim. Konsep sinonim dan antonim hanyalah untuk penerangan maksud sahaja. Namun setiap perkataan hanya memiliki madsudnya yang tertentu dan terhad padanya sahaja. Sebagai contoh perkataan cahaya. Perkataan cahaya digunakan dalam bahasa Melayu untuk bulan dan matahari. Tetapi di dalam bahasa Arab; perkataan yang menerangkan tentang cahaya matahari ialah perkataan dhiyak (ضياء), manakala untuk bulan perkataan yang digunakan adalah nur (نور). Pernyataan ini dibuktikan seperti yang tertera dalam surah Yunus: ayat 5.

(هُوَ الَّذِي جَعَلَ الشَّمْسَ ضِيَاءً وَالْقَمَرَ نُورًا وَقَرْبَةً ، مَتَازِلَ لِتَعْلَمُوا عَدَدَ أَلْسِنَتِنَا وَالْحِسَابَ مَا خَلَقَ اللَّهُ ذَلِكَ إِلَّا بِالْحَقِيقَةِ يُفَصِّلُ الْأَيَّتِ لِتَعْلَمُوا )

*Dialah yang menjadikan matahari bersinar-sinar (terang-benderang) dan bulan bercahaya dan Dialah yang menentukan perjalanannya tiap-tiap satu itu (berpindah-randah pada tempat-tempat peredarnya masing-masing supaya kamu dapat mengetahui bilangan tahun dan kiraan masa. Allah tidak menjadikan semuanya itu melainkan dengan adanya faedah dan gunanya yang sebenar. Allah menjelaskan ayat-ayatNya (tanda-tanda kebesaranNya) satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui (hikmat sesuatu yang dijadikanNya).*

Melalui ayat ini dapat dilihat bahawa Allah SWT bukan sahaja memberitahu manusia bahawa setiap benda itu sama, bahkan Allah menggalakkan manusia untuk terus mencari ilmu. Ilmu itu kemudiannya menjadikan insan lebih mengenali dan mengagungkan penciptaNya yang Maha Kuasa. Ayat ini juga tidak terbatas perbincangannya hanya untuk menerangkan ilmu sains tentang sifat bulan dan matahari. Jika ayat ini hanya fokus tentang sains, maka ianya tidak menepati kedudukannya yang tinggi iaitu mukjizat. Mukjizat adalah perkara yang sukar difahami manusia jika manusia tidak usaha merungkai kehebatan sesuatu mukjizat itu. Melalui tafsiran ayat ini didapati

bahasa Melayu juga membezakan penggunaan kata adjektif terhadap matahari dan bulan. Matahari digandingkan dengan perkataan bersinar manakala bulan disifatkan dengan perkataan cahaya. Kamus Bahasa Melayu juga menggunakan perkataan sinar untuk matahari dan cahaya untuk bulan. Walaupun begitu bahasa Arab bukan sahaja membezakan matahari dan bulan pada perkataan adjektif yang digunakan iaitu *dhiyak* dan *nuur* tetapi bahasa Arab menerangkan sebab penggunaan tersebut.

Menurut Al-Askari (wafat pada 395H) melalui bukunya *Furuq Al-Lughawiyah* telah menerangkan perbezaan antara *dhiyak* dan *nuur*; *Dhiyak*: adalah sinar yang terpancar dari sumbernya sendiri. Menjelaskan bahawa sinar matahari adalah hasil daripada matahari. *Nuur*: adalah cahaya hasil dari sumber lain. Menerangkan bahawa cahaya bulan bukan dari bulan akan tetapi hasil pancaran matahari terhadap bulan. Inilah ilmu dalalat iaitu ilmu yang membezakan setiap perkataan menurut hakikatnya. Perbezaan ini kemudian membuka lembaran baru ilmu lain seperti ilmu sains dan lain-lain.

## Sejarah Solat

Sesuatu perkara perlu dilihat asalnya dan latar belakangnya agar sesuatu perkara itu mampu diberi hak yang sewajarnya. Solat adalah binaan Agama. Sendi Islam terbina daripada 5 perkara utama iaitu; syahadah, solat, zakat, haji dan puasa. Hadis adalah riwayat Bukhari dan Muslim.

متن الحديث

حَدَّثَنَا عُبَيْدُ اللَّهِ بْنُ مُوسَى قَالَ أَخْبَرَنَا حَنْطَلَةُ بْنُ أَبِي سُفْيَانَ عَنْ عِكْرِمَةَ بْنِ خَالِدٍ عَنْ أَبِنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يُبَيِّنُ الْإِسْلَامَ عَلَى حَمِيسٍ شَهَادَةً أَنَّ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَنَّ مُحَمَّداً رَسُولُ اللَّهِ وَإِقَامُ الصَّلَاةِ وَإِيتَاءُ الزَّكَاةِ وَالْحَجَّ وَصَوْمُ رَمَضَانَ.

Malaikat adalah makhluk yang pertama beribadat pada Allah. Solat adalah cabang ibadat. Ibadah solat telah bermula sejak zaman Nabi Adam A.S sehingga Nabi Muhammad SAW. Namun solat berbeza pelaksanaannya mengikut zaman dan syariat. Oleh itu solat yang mutawatir pelaksanaannya untuk umat Nabi Muhammad SAW adalah seperti yang diajar oleh Nabi Muhammad SAW. Solat adalah pemberian agung Ilahi. Nabi dijemput bertemu Allah dalam peristiwa Israk dan Mikraj. Oleh itu solat bukanlah sekadar ibadat wajib.

## Dalalat Solat

Dalalat Solat membincangkan tentang:

Hakikat Solat: Solat bukan sekadar ibadat kerana hadis yang menerangkan tentang binaan Islam dengan lima perkara tersebut bukanlah hanya lima perkara. Shahadah, solat, zakat, haji dan puasa adalah lima perkara utama jika kita mengaku sebagai orang Islam. Shahadah adalah perkara pertama yang dilafazkan seseorang yang baru kembali kepada Islam. Namun Islamnya tidak lengkap tanpa solat, zakat, haji dan puasa. Hubungkait antara kelima-lima perkara utama dalam rukun Islam menyatakan bahawa kefahaman Islam perlu kepada penghayatan, ketelitian, fahaman yang jitu cakupan yang luas dan terperinci,

kerahsiaan yang rumit di mata insan, kehebatannya terbatas di akal manusia dan kelebihannya pelbagai namun tidak tercapai ilmu makhlukNya.

رواه الحاكم في "المستدرك" (318) من طريق إسماعيل بن أبي أوفيس، حدثني أبي، عن ثور بن زيد التميمي، عن عكرمة، عن ابن عباس، أنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَطَبَ النَّاسَ فِي حَجَّةِ الْوَدَاعِ، فَقَالَ: ( ... إِنِّي قَدْ شَرَكْتُ فِيمُّ مَا لَنَا اعْتَصَمْتُ بِهِ فَلَمْ تَضْلُوا أَبَدًا كِتَابَ اللَّهِ ، وَسَنَّةَ نَبِيِّنَا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ

Hadis Rasulullah mengatakan bahawa tidak akan sesat umatnya jika mereka berpegang teguh kepada Al-Quran dan Sunnahnya. Melalui hadis ini dapat disimpulkan bahawa adalah mustahil kita memelihara diri dan agama daripada kesesatan tanpa Al-Quran dan Sunnah Rasulullah SAW. Kekurangan insan dewasa ini ialah tipisnya penghayatan pada pemahaman terhadap hadis Nabi ini. Pegangan pada Al-Quran dan Sunnah Nabi berhajat kepada kesungguhan yang tinggi. Ianya bukanlah sekadar membaca Al-Quran untuk mengisi sedikit masa lapang atau pengamalan Sunnah Nabi pula bukanlah sekadar pemakanan Sunnah seperti memilih makanan seperti kurma atau minyak zaiton. Al-Quran dan Sunnah Nabi adalah sumber rujukan utama Islam yang amat menekankan penghayatan dan pelaksanaan solat. Kekurangan berlaku jika ayat al-Quran dan Sunnah Nabi yang menceritakan tentang solat dihadkan kepada beberapa ayat yang sering disebut, sedangkan ayat tentang solat adalah banyak dan pelbagai maksud. Oleh itu penghayatan tentang solat itu adalah penting dan sangat berfaedah.

### Dalil Solat

Terdapat hampir seratus ayat yang melafazkan kalimah solat dalam Al-Quran, 85 berbentuk kata nama dan 15 berbentuk kata kerja. Kesemuanya menerangkan tentang solat. Namun ayat yang menerangkan tentang solat tidak semestinya harus menggunakan kosa kata solat. Surah Al-fatihah ayat ke-5 merupakan ayat yang menerangkan tentang keperluan insan untuk hanya beribadat pada Allah dan memohon bantuan.

إِيَّاكَ نَعْبُدُ وَإِيَّاكَ نَسْتَعِينُ

Selain itu fitrah manusia memerlukan ritual yang tertentu untuk memohon pada yang berkuasa. Maka Allah syariatkan solat untuk insan agar memenuhi kehendak dalaman insan yang sejak penciptaannya diketahui akan kelemahannya.

### Fungsi Solat

Solat dilaksanakan sebagai ibadat. Pelaksanaannya akan menjaga diri seseorang itu daripada keburukan dan perkara maksiat. Seperti ayat daripada surah Al-A'nakabut, ayat 45:

أَتَلُّ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنْ الْكِتَبِ وَأَقِمِ الصَّلَاةَ إِنَّ الظَّالِمَاتِ لَا يُحِلُّ لَهُمْ أَنْ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ (٤٥) أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ (٤٥)

Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun); sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari perbuatan yang keji dan mungkar dan sesungguhnya mengingati Allah adalah lebih besar (faedahnya dan kesannya) dan (ingatlah) Allah mengetahui akan apa yang kamu kerjakan. (45)

Semua orang Islam mengakui akan kesahihan ayat yang mengatakan bahawa solat itu pencegah kejahatan dan maksiat. Malangnya hingga kini solat yang dilaksana masih tidak mampu mengawal manusia. Sudah tentu kesalahan adalah pada pelaksananya yang masih kurang menghayati fungsi solat dan keutuhan solat sebagai benteng penghalang fasad iaitu perkara yang buruk.

### Definisi Tersirat dalam Lafaz Solat

Antara definisi solat ialah:

- 1- Solat dan amalan lain  
Gandingan ayat tentang solat dengan perkara lain seperti zakat, iman dan kaitan perkara baik dengan solat serta kesan buruk meninggalkan solat.
- 2- Pujian  
Solat itu adalah pujian; iaitu pujian daripada Allah dan malaikat.
- 3- Doa dan Pengampunan  
Solat adalah doa dan merupakan sebab diberi pengampunan.
- 4- Bacaan Al-Quran  
Bacaan Al-Quran juga antara maksud solat.
- 5- Jenis-jenis solat  
Solat dan pembahagiannya menerangkan tentang solat fardhu dan sunat dan galakan berjemaah
- 6- Tempat Ibadat  
Perkataan solat menghabarkan tempat solat kepada manusia iaitu qiblat.
- 7- Galakan perkara baik dan Pencegahan perkara buruk:  
Solat dapat menjadi benteng menjaga diri dari perkara buruk dan solat memberi kekuatan pada orang yang melaksanakannya.

Senarai definisi tertera di atas adalah definisi perkataan Solat. Perkataan Solat itu sendiri mempunyai maksud yang berbeza. Manakala terdapat perkataan-perkataan lain yang membawa makna solat seperti yang dibincangkan sebelum ini. Hal ini menjadikan kosa kata dan dalalat solat itu perlu disemai dan disemarakkan falsafahnya ke arah pembentukan insan yang kamil dalam segenap hal kehidupannya personal ataupun kerjaya.

### Pengurusan Kewangan

Menurut Khalijah Hj. Bakar (2010) Pengurusan Kewangan adalah proses yang melibatkan proses memperolehi dana, berbelanja dan proses mengakaunkan. Ini melibatkan proses

perancangan, pembentukan dan perlaksanaan dasar-dasar mengenai pencukaian, belanjawan, perbelanjaan, perolehan, peraucanan dan lain-lain yang berkaitan. Pengurusan kewangan adalah penting kerana sumber-sumber adalah terhad. Sumber-sumber ini ialah manusia, wang dan bahan-bahan. Belanjawan pula melibatkan dua perkara; hasil dan perbelanjaan.

Menurut perspektif Islam, sebagai khalifah Allah SWT di muka bumi ini, pengurusan adalah sebahagian daripada tanggungjawab setiap orang Islam. Ini bertepatan dengan firman Allah SWT dalam Al Quran seperti berikut:

Yusuf berkata: "Supaya kamu bertanam tujuh tahun (lamanya) sebagaimana biasa; maka apa yang kamu tuai hendaklah kamu biarkan dibulirnya kecuali sedikit untuk kamu makan. Kemudian sesudah itu akan datang tujuh tahun yang amat sulit, yang menghabiskan apa yang kamu simpan untuk menghadapinya (tahun sulit), kecuali sedikit dari (bibit gandum) yang kamu simpan. Kemudian setelah itu akan datang tahun yang padanya manusia diberi hujan (dengan cukup) dan dimasa itu mereka memeras anggur". (12:47-49)

"Harta benda dan anak anak adalah perhiasan di dunia; dana mal-amal soleh yang kekal faedahnya itu lebih baik pada sisi Rabmu sebagai pahal balasan, dan lebuh baik sebagai asas yang memberi harapan" (18:46). Harta dan kekayaan merupakan amanah dari Allah SWT kepada khalifahnya untuk diuruskan sebagaimana di perintahkan. Dan Allah SWT telah memberi amaran supaya tidak berpaut kepada kekayaan sebagaimana dalam 51:56

"Dan (ingatlah) Tidak Aku ciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada Ku."

Dalam konteks pengurusan kewangan, sayugai di ingatkan supaya sebagai khalifah Allah SWT, umat Islam wajib menguruskan kewangan mereka berdasarkan landasan-landasan yang telah di tetapkan oleh Allah SWT. Setiap kekayaan yang diamanahkan akan di persoalkan di akhirat kelak sumbernya dan kemana ia dibelanjakan. Maka pengurusan kewangan merupakan satu disiplin pengurusan kekayaan dan kewangan yang boleh dilaksanakan oleh setiap individu dan mengikut objektif setiap individu (Islamic Wealth Management Report, 2011). Ia merupakan pengurusan kewangan yang memenuhi keperluan duniawi dan ukharawi setiap individu Islam. Ia termasuk:

1. Pengumpulan kekayaan
2. Mengekalkan kekayaan
3. Penyucian kekayaan
4. Pengagihan kekayaan

Dalam aspek-aspek diatas, pengurusan kewangan dalam Islam bertujuan memastikan:

1. Pengumpulan kekayaan adalah bersumberkan yang halal dan yang mana tidak halal di hentikan. Ini termasuk menggunakan produk-produk pengumpulan dan pelaburan yang patuh syariah dan tidak mengutamakan pulangan yang tinggi semata-mata walaupun sumbernya haram atau syubhah;
2. Aspek pengekalan dan menjaga kekayaan daripada risiko juga perlu berlandaskan syariah iaitu melalui produk produk pengurusan risiko yang patuh syariah seperti takaful;
3. Mana-mana kekayaan yang dikumpul daripada sumber yang syubhah wajib disucikan secara total melalui kaedah-kaedah yang berlandaskan syariat seperti

mengeluarkan zakat dan lain-lain. Ini memastikan agar harta kekayaan dan kewangan yang di kumpulkan tidak termasuk hak-hak orang lain yang mana akan menjaskan kehidupan seseorang di akhirat kelak;

4. Kekayaan dan kewangan yang terkumpul juga perlu di gunakan sewajarnya mengikut landasan yang telah di tetapkan oleh Allah SWT.

Pengurusan kewangan adalah antara satu tanggungjawab besar yang dilaksanakan oleh manusia. Kemampuan mentadbir kewangan dengan sebaiknya adalah keutamaan dalam pengurusan kewangan. Pengurus kewangan dan orang yang mendirikan solat adalah berkaitrapat. Pengurus kewangan hanya menumpukan kepada skop kerjanya iaitu mengurus kewangan walaupun hanya kewangan peribadi. Tetapi orang yang solat dan menghayati solat mampu mengurus diri kemudian mengurus kewangan dengan terbaik. Adalah menjadi satu keutamaan dalam Islam bahawa perkara yang baik itu bukanlah di mata manusia tetapi seperti yang dikehendaki pemilik harta iaitu Allah SWT.

### **3. Objektif Kajian**

- 1- Menerangkan definisi dalalat dan solat dengan memberi fokus pada dalalat solat.
- 2- Menghubungkan dalalat solat kepada pengurusan kewangan.
- 3- Menzahirkan kefahaman yang lebih jitu dan kritis akan kejayaan pengurusan kewangan adalah datang dari seorang yang berkualiti solatnya.

### **4. Metodologi Kajian**

Kajian adalah kajian kualitatif yang merungkai definisi dalalat, solat dan makna yang dicernakan daripada solat dalam memberi kesan kepada pengurusan kewangan.

### **5. Dapatkan Kajian**

#### **Dalalat Solat dan Pengurusan Kewangan**

Dalalat solat dan pengurusan kewangan perlu dilihat dari segi fungsi solat terhadap perkara yang berkaitan dengan pengurusan kewangan. Kajian tidak menjelaskan secara terperinci pecahan tentang pengurusan kewangan. Ini kerana tiga aspek utama dalam ilmu ini ialah aset atau harta, perbelanjaan dan perakaunan. Pengurus kewangan sama ada individu atau kerjaya, sama ada mengurus sumber dan harta sendiri atau harta orang lain. Perkara yang sepatutnya menjadi asas ialah pengakuan manusia bahawa dia tidak memiliki apa-apa. Kesemua sumber adalah milik Allah. Oleh kerana kesemua sumber milik Allah maka hanya Allah sahaja yang layak memberi panduan cara mengendali sumber-sumber ini. Insan ketika mula beribadat adalah dengan mengenal Allah iaitu syahadah. Kemudian solat menjadi benteng kepada manusia seawal menerima hukum taklif iaitu apabila manusia cukup umur dan diwajibkan solat ke atasnya. Di sinilah bermulanya pembentukan seorang pengurus kewangan. Seseorang yang mengaku bahawa Allah itu tuhan dan Nabi itu pesuruh Allah serta mengerjakan solat.

Dalat solat menggambarkan bahawa hanya solat yang sahih dan benar yang mampu merealisasi kehebatan solat iaitu mencapai kejayaan. Penerangan kejayaan melalui solat dapat dilihat dari pelbagai aspek:

1- Sebelum Pelaksanaan Solat

Hukum berwudhuduk adalah wajib untuk menunaikan solat. Syarat pertama ini telah menzahirkan kesucian yang wajib kepada seseorang yang ingin menunaikan solat. Berwudhuduk antara benteng pertama insan dari gangguan syaitan. Maka insan yang kerjayanya mengurus harta, aset dan kekayaan perlu bersih fizikal dan spiritual. Di sini perlu dibezakan dengan jelas bahawa membasuh muka dan berwudhuduk adalah dua perkara yang sangat berbeza. Membasuh muka hanya membersih luaran. Tetapi berwudhuduk itu pahala, membersih jiwa dan ruh, menggalakkan untuk melakukan perkara baik seperti zikir dan membaca Al-Quran. Inilah dalat solat yang digambarkan melalui wudhuduk.

2- Niat Pelaksanaan Solat

Solat hanya akan menjauhkan kita daripada keburukan jika solat itu ditekuni pelaksanaannya dengan sebaiknya. Niat dalam solat bukanlah hanya niat untuk solat tetapi dikuatkan azam dalam hati bahawa solat ini benteng yang menghalang fasad dan merupakan ibadat yang mencorak manusia menjadi khalifah yang sebenar. Khalifah inilah yang diperlukan agar segala perkara berkaitan kewangan akan dijaga dengan telus.

3- Perkara lain yang dikaitkan dengan Solat

Terdapat banyak perkara lain yang digandingkan dengan solat. Antaranya:

Solat dan Al-Quran	Solat dan Zakat:	Solat, Al-Quran dan Zakat
<p style="text-align: center;">أَقِلْ مَا أُوحِيَ إِلَيْكَ مِنَ الْكِتَبِ  <b>وَأَقِمِ الصَّلَاةَ</b></p> <p>Bacalah serta ikutlah (wahai Muhammad) akan apa yang diwahyukan kepadamu dari Al-Quran dan dirikanlah sembahyang (dengan tekun);</p> <p>Al-Ankabut:45</p>	<p style="text-align: center;">وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَإِاعْثُرُوا الْزَّكُورَةَ وَأَرْكَعُوا مَعَ الْأَرْكَعِينَ (٤٣)</p> <p>Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk. (43)</p> <p>Al-Baqarah:43</p>	<p style="text-align: center;">وَعَامِلُوا بِمَا أَنْزَلْتُ مُصَدِّقًا لَمَا مَعَكُمْ وَلَا تَكُونُوا أَوْلَى كَافِرِ بِهِ وَلَا تَشْرُوْا إِيمَانِي ثُمَّا قَلِيلًا وَإِيمَانِ فَانْتَهُونَ (٤١)</p> <p>وَلَا تَلِسُوا الْحَقَّ بِالْبَطْلِ وَلَا تَكْثُرُوا الْحَقَّ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ (٤٢) وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَإِاعْثُرُوا الْزَّكُورَةَ وَأَرْكَعُوا مَعَ الْأَرْكَعِينَ (٤٣)</p> <p>Dan berimanlah kamu dengan apa yang Aku turunkan (Al-Quran) yang mengesahkan benarnya Kitab yang ada pada kamu dan janganlah kamu menjadi orang-orang yang mula-mula kafir (ingkar) akan ia dan janganlah pula kamu menjadikan ayat-ayatKu (sebagai harga untuk) membeli kelebihan-kelebihan yang sedikit faedahnya dan kepada Akulah sahaja hendaklah kamu bertakwa. (41) Dan janganlah kamu campur adukkan yang benar itu dengan yang salah dan kamu sembunyikan yang benar itu pula padahal kamu semua mengetahuinya. (42) Dan dirikanlah kamu akan sembahyang dan keluarkanlah zakat dan rukuklah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk. (43)</p> <p>Al-Baqarah:41-43</p>

Inilah mukjizat Al-quran yang menerangkan sesuatu itu dengan penuh kritis dan jelas. Maka segenap kehidupan kita sepatutnya meneladani metodologi mukjizat Al-Quran ini agar segala bentuk aktiviti dan kerjaya pantas direalisasi secara yang sahih dan tepat. Ayat terakhir bukan sahaja mengaitkan Solat dengan Al-Quran dan Zakat, bahkan memberi maklumat tentang kesahihan Al-Quran serta menghalang kekufuran dan penipuan. Oleh itu dapat disimpulkan bahawa pengurusan diri atau pengurusan kewangan adalah perkara yang serius kerana Alah akan menyatakan kita akan pelaksanaannya. Kajian dalalat solat membantu manusia menyusun gerak kerjanya sebagai hamba atau sebagai insan berkerjaya.

## **6. Kesimpulan**

Al-Quran dan As-Sunnah terus menerus memberi panduan kepada manusia. Bacaan dan penghayatan kedua-dua mukjizat ini sentiasa membuka lambaran baru buat kehidupan manusia. Orang Islam perlu dengan gahnya merealisasi segala ayat Allah SWT dalam kehidupan. Manakala ilmu aqli yang dicipta manusia sepatutnya perlu disusun agar meneladani pengajaran Al-Quran bukannya mencari ayat Al-Quran yang menyerupai topik kewangan. Dalalat solat dalam Al-Quran dan Hadis memberitahu insan bahawa segenap perbuatan itu berkaitrapat. Jika dilihat dengan teliti bagaimana solat menjaga kita. Ianya bermula dengan syaratnya yang menyuruh insan itu bersih. Waktu solat lima kali mengingatkan kita bahawa Allah ada bersama dalam segenap perkara yang kita lakukan. Azan dan Iqamah memberi amaran kepada kita agar berhenti kerja fardhu kifayah dan bersegera kepada fardhu ain. Laungan حي على الصلاة bermaksud; bersegeralah menuaikan solat bukannya marilah solat seperti yang selalu tertera di kaca tv. Kemudian niat solat, perlakuan solat serta kesan solat, zikir dan doa adalah kombinasi ibadat yang membentuk insan untuk terus terpelihara dalam segenap amalan dan perbuatan. Rumusan yang dapat dilihat dari kajian ini ialah Kalam Allah dan Rasulullah itu tidak langsung sama dengan kalam makhluk. Al-Quran ayatnya tidak perlu penambahan dan pengurangan. Tetapi Al-Quran mengesahkan makhluk menambah ilmu dan mengurangkan perkara yang sia-sia iaitu dengan mendalami makna dan falsafah solat.

## **Rujukan**

- Abul A'la Mawdudi. (1985). Towards Understanding Islam. Kuala Lumpur: AS Noordeen.  
Abd Kareem Zaydan. (1997). Al Wazij Fi Usul Fiqh. Lubnan: Muassasah Al Risalah.  
Don Daniyal Don Biyajid. (2016). Sejarah Solat. Selangor: Kuiscell Sdn. Bhd.  
Ismail Al Rajhi. (1986). Islamization of Knowledge. USA: ISTAC.  
Sayyid Muhammad Alwi Al-Maliki, *Keistimewaan- Keistimewaan Al-Quran*. (2010). Tajuk  
Asal buku: Al Khasais al-Quran, penterjemah: Nur faizin S.Ag & Qurratul Aien  
Fateh Yasin. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise.  
<http://pkukmweb.ukm.my/ptk/pengurusan%20kewangan%20umum.pdf>  
8 Mei 2016, Pengurusan Kewangan.  
<http://www.irfankhairi.com/blog/perniagaan/kuasa-solat-al-quran-dan-doa-dalam-menambahkan-rezeki/> 8 Mei 2016, Solat dan Rezeki.  
<http://www.islamquest.net/ms/archive/question/fa967> 8 Mei 2016, Rezeki.

<http://www.sinarharian.com.my/rencana/solat-dan-implikasinya>

8 Mei 2016, Solat dan Implikasi

<http://www.almaany.com/ar/dict/ar-ar/> 8 Mei 2016, Definisi dalalat.

<http://www.almaany.com/answers/> 10 Mei 2016, Perbezaan Diyak Dan Nuur.

<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=cahaya> 8 Mei 2016, maksud cahaya.

<http://prpm.dbp.gov.my/Search.aspx?k=sinar> 8 Mei 2016, maksud sinar.

<http://articles.islamweb.net/media/index.php>? 10 Mei 2016, buniya Islam.

<http://www.al-azim.com/masjid/infoislam/ibadat/wudhu.htm> 10 Mei 2016, Wudhu.

<http://www.quranexplorer.com/quran/> 10 Mei 2016, Al-Quran.

<https://islamqa.info/ar/209483> 10 Mei 2016, Hadi berpegang kepada Al-Quran dan As-Sunnah. Sarasin Islamic Wealth Management, 2011.

[file:///C:/Users/user/Desktop/DONE\\_Islamic\\_Wealth\\_Management\\_Report\\_2011-2.pdf](file:///C:/Users/user/Desktop/DONE_Islamic_Wealth_Management_Report_2011-2.pdf)